



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

7 JANUARI 2023 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

7 JANUARI 2023 (SABTU)



FUZIAH (dua dari kiri) ketika meninjau bekalan makanan di sebuah pasar raya di Jelawat, Bachok.

10,894 kes selewang barangan keperluan

Bachok: Sebanyak 10,894 kes selewang barangan keperluan menerusi rampasan bernilai RM115 juta direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sepanjang tahun lalu.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh berkata, jumlah itu turut membabitkan kesalahan peniaga yang didapati menipu pelanggan termasuk menukar tanda harga telur.

"Ada juga kes didapati melanggar kesalahan sebagai contoh kalau dia (peniaga) menjual telur itu dengan menulis harga lain, katalah gred B tetapi dia tulis gred lain, jadi kalau didapati melakukan kesalahan, dia boleh diambil tindakan oleh penguat kuasa."

"Kes sedemikian kita ambil tindakan sita kerana didapati melakukan kesalahan tanda harga," katanya dalam sidang media selepas

meninjau bekalan makanan di sebuah pasar raya di Jelawat di sini.

Beliau berkata, antara kesalahan lain yang direkodkan ialah berkaitan bekalan minyak masak peket, gandum, petrol dan diesel.

Fuziah berkata, usaha berterusan dilakukan menerusi Op Bersepadu bagi memerangi penyelewengan barangan kawalan dan bersubsidi terutama ketika menghampiri musim perayaan.

"Dalam melaksanakan Op Terjah pada 17 Disember 2022 hingga kini pihak penguat kuasa memeriksa 12,293 premis dan mendapati 9,961 bekalan mencukupi."

"Daripada jumlah itu sebanyak 9,961 premis didapati bekalan mencukupi, 2,118 bekalan berkurang dan hanya 214 premis perniagaan yang tiada bekalan," katanya. - Bernama



ANGGOTA KPDN memeriksa tangki berisi minyak disyaki diesel di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Silibin, Ipoh semalam.

Diesel dalam lori tangki

IPOH – Taktik licik sindiket penyelewengan diesel bersubsidi menggunakan lori tangki bekal minyak sawit terbongkar menerusi serbuan di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Silibin di sini semalam.

Serbuan sekitar pukul 1 petang itu dilakukan berdasarkan maklumat dan risikan.

Pengarahnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, dalam operasi itu, sebuah pusat pengumpulan minyak diesel bersubsidi dijumpai sedang mengisi minyak diesel secara kerap dan berulang menggunakan sebuah kepala lori *prime mover*.

Jelasnya, tindakan sindiket

itu cuba mengaburi pihak berkuasa.

"Kepala lori *prime mover* ini kemudian akan ke lokasi pengumpulan dan memindahkan minyak diesel dari tangki lori tersebut ke sebuah tangki simpanan lain.

Tambahnya, hasil pemeriksaan ke atas premis itu menjumpai 6,490 liter cecair disyaki minyak diesel bersama empat kepala lori *prime mover* serta peralatan lain.

Katanya, jumlah nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM762,615 dan kesemua barangan itu telah disita untuk siasatan lanjut.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM36
• Daging Lembu Import	RM44.99
• Telur Gred A	RM12.75
• Ikan Kembung	RM13
• Minyak Masak	RM6.76
• Gula Pasir	RM2.80
• Bawang Besar Holland	RM2.99
• Bawang Putih	RM4.88
• Cili Merah	RM6.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM1.99
• Tepung Gandum	RM3.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDH

Sindiket diesel subsidi dibongkar

Modus operandi guna lori tangki kelapa sawit, nilai rampasan lebih RM700,000

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak membongkar kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi menggunakan lori tangki bekalan minyak sawit pada Khamis.

Kejayaan itu hasil serbuan di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Silibin dekat sini melibatkan rampasan lebih RM700,000.

Pengarah KPDN Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, operasi sekitar jam 1 petang itu turut menahan lima pekerja dengan tiga daripadanya

warga asing bagi membantu siasatan.

Menurutnya, hasil risikan mendapati, sindiket berkenaan menggunakan modus operandi yang lebih unik iaitu menggunakan lori tangki bekalan minyak sawit untuk membawa minyak diesel.

"Kita dapati mereka melakukan pengisian diesel secara kerap dan berulang-ulang menggunakan sebuah kepala motolori (*prime mover*) di stesen minyak sekitar Silibin bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Kepala motolori ini kemudiannya akan ke lokasi pengumpulan dan memindahkan minyak diesel dari tangki lori tersebut ke sebuah tangki simpanan lain menggunakan pam elektrik sebelum dipindahkan semula ke sebuah tangki khas 'bekalan minyak sawit' untuk dihantar dan dijual ke pihak industri di Lembah Klang," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, pemeriksaan



FOTO: KPDN PERAK

KPDN Perak berjaya membongkar kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi dalam serbuan sebuah premis di Kawasan Perindustrian Silibin dekat Ipoh.

lanjut ke atas premis mengesan sebanyak 6,490 liter cecair disyaki minyak diesel, empat kepala motolori dan beberapa peralatan lain digunakan bagi menjalankan aktiviti berkenaan.

Katanya, siasatan ke atas premis juga mendapati, premis

itu telah beroperasi selama sebulan dan tanpa lesen yang sah oleh pihak berkuasa.

"Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM762,615 dan ini adalah kejayaan kedua pada bulan ini bagi KPDN Perak dalam mem-

banteras penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi.

"Semua rangkaian sindiket, pemilik kenderaan, pemilik premis dan stesen minyak yang terlibat akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.